



Dr. Mahathir
U.M. 21 MAC 1975
SHAH Alam 20 Mac —
Seramai 300 dari se-
jumlah 6,000 orang pe-
lajar ITM telah menga-
dakan tunjuk perasaan
secara aman di hada-
pan Menteri Pelajaran
Dr. Mahathir Mohamad

300 pelajar ITM tunjuk perasaan depan Mahathir

**OLEH:
AHMAD JAAFAR**

ketika beliau melaku-
kan lawatan ke kam-
pus ITM di sini pagi ini.
Tunjuk perasaan itu di-
adakan kerana membantah

ura-ura kerajaan untuk
menarik balik biasiswa pa-
ra pelajar yang terlibat da-
lam tunjuk perasaan dan
perlantikan Pengarah ITM
Datuk Dr. Arshad Ayub se-
bagai Timbalan Gabnor
Bank Negara.

Para pelajar itu adalah
dari kampus Shah Alam.

Dr. Mahathir mem-
beritahu para pembe-
rita bahawa kerajaan
menanggung kerugian
sebanyak \$450,000 kerana
150 dari 600 orang pe-
lajar ITM tidak lulus
peperiksaan tahun lalu.

Adalah dijangkakan
seramai 550 orang lulus
jika para pelajar itu ti-
dak mengambil baha-
gian dalam tindak-
anduk yang tidak mem-

berikan sebarang fae-
dah, katanya.

Bellau memberi ama-
ran bahawa kerajaan
akan bertindak tegas
menarik balik biasiswa
terhadap penuntut-pe-
nuntut institusi pela-
jaran tinggi jika para
pelajarnya masih ber-
degil.

Dr. Mahathir mene-
rangkan bahawa pe-
nuntut di ITM tidak
menerima biasiswa se-
perti penuntut-penun-
tut di institusi pengaji-
an tinggi yang lain.

Katanya, kerajaan
mengutukkan seba-
nyak \$3,000 setahun ba-
gi tiap-tiap seorang
pelajar ITM untuk pe-
lajaran, tempat ting-
gal dan kemudahan ke-
mudahan yang lain.

Menurutnya, perun-
tukan seperti ini
mungkin lebih lengkap
dan istimewa dari bia-
siswa yang diberikan
kepada institusi penga-
jian tinggi yang lain.

"Oleh kerana ini ju-
ga merupakan biasiswa
yang dikeluarkan oleh
kerajaan, ianya juga
akan terlibat dalam
tindakan menarik balik
itu," ujarnya.

Dr. Mahathir mene-
gaskan bahawa para
pelajar haruslah me-
nyedari bahawa keraja-
an sentiasa menitikbe-
ratkan pelajaran dari
bidang-bidang yang
lain.